

Benteng redakan igauan ngeri

Setiap setiap kali musim tengkujuh, penduduk terpaksa berjaga malam kerana bimbang keselamatan diri serta keluarga dihanyutkan ke laut.

SETIAP kali tibanya musim tengkujuh, penduduk di kawasan pinggir pantai di Kelantan pasti mengalami igauan ngeri kerana kehadiran mereka membawa bersama ombak ganas Laut China Selatan.

Boleh dikatakan seluruh pantai di negeri itu terjejas teruk akibat hakisan pukulan ombak, sekali gus menyebabkan banyak penempatan penduduk lenyap 'ditelan' laut dalam tempoh lebih 10 tahun lalu dan dianggarkan 2.5 kilometer (km) daratan kini menjadi laut.

Hakisan pantai di Kelantan antara paling kritikal kerana puluhan ribu penduduk di pinggirannya terdedah kepada bahaya dan kehilangan tapak kediaman buat selama-selamanya semasa musim tengkujuh dari bulan Oktober hingga Mac.

Antara pantai yang menjadi penempatan nelayan dan popular sebagai destinasi pelancongan yang terjejas akibat hakisan ialah Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Sabak di Kota Bharu, Pantai Sri Tujoh di Tumpat dan Pantai Irama di Bachok.

Bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada penduduk tetapi kepada negeri dalam sektor pelancongan.

Setiap kali musim tengkujuh, penduduk yang tinggal di sepanjang pantai bimbang rumah mereka rosak dipukul ombak atau hanyut 'dilarikan' ombak ke laut.

Hakisan juga menyebabkan ribuan pohon kelapa dan tanaman lain yang menyumbang hasil kepada penduduk di pinggir pantai tumbang. Warung tempat nelayan menikmati nasi berlauk sebelum mereka turut ke laut untuk menangkap ikan turut musnah.

Kubu kebal yang pernah menjadi monumen penting sudah bersemadi di dasar laut akibat hakisan pantai. Kubu-kubu kebal itu dibina oleh British untuk menghalang kemaraan tentera Jepun yang mendarat di Kampung Kuala Pak Amat pada 7 Disember 1941.

Seorang penduduk Pantai Sabak, Hasnah Abdullah, 55, berkata, hakisan tersebut menyebabkan sebuah rumah keluarganya dihanyutkan ke laut manakala rumahnya yang terletak berdekatan sering dimasuki air laut dan pasir.

"Dahulu (lebih 10 tahun lalu) rumah mok cik (mak cik) terletak kira-kira 2km dari laut tapi la ni (sekarang ini) dekat sangat dengan laut (kira-kira 50 meter) ini disebabkan hakisan pantai," katanya.

Hasnah berkata, setiap kali musim tengkujuh, dia dan penduduk lain terpaksa berjaga malam kerana bim-



HUJAN lebat dan hakisan ombak menyebabkan banyak penempatan penduduk lenyap 'ditelan' laut dalam tempoh lebih 10 tahun lalu.

bang keselamatan diri dan keluarga dihanyutkan ke laut.

Bagi menangani masalah hakisan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan projek pengawalan hakisan pantai dengan membina benteng daripada batu-bata sepanjang 3.85km dari Pantai Sabak hingga Pantai Cahaya Bulan yang melibatkan kos lebih RM13 juta.

Pembinaan benteng itu mampu mencegah hakisan pantai dan ia melegakan penduduk yang mendiami kawasan berkenaan.

Fasa pembinaan

"Walaupun rumah mok cik (mak cik) kini hampir dengan laut, kerajaan sudah bina benteng bagi menghalang pukulan ombak... Alhamdulillah rumah mok cik sekarang lebih selamat," kata Hasnah yang bersyukur dengan usaha yang dilakukan kerajaan bagi menangani masalah hakisan.



PEMBINAAN benteng sepanjang 3.85km dari Pantai Sabak hingga Pantai Cahaya Bulan melibatkan kos lebih RM13 juta.

Benteng berkenaan yang melibatkan lima fasa pembinaan setinggi 3.8 meter iaitu satu aras yang dapat menahan pukulan ombak di sepanjang Pantai Sabak hingga Pantai Cahaya Bulan.

Ini berikutan ombak besar atau dikenali ombak pembinasakan berlaku di Pantai Cahaya Bulan pada 2011 yang telah menenggelamkan sebahagian kawasan itu kerana ketinggian asal benteng iaitu 3.5 meter tidak mampu menahan ombak berkenaan.

Jurutera Unit Pelaksanaan Projek Persekutuan Kelantan JPS Negeri, Hasmira Ab Hamid berkata, pihaknya sentiasa memantau bagi memastikan projek pengawalan hakisan pantai yang melibatkan lima fasa itu siap sepenuhnya hujung tahun ini.

"Dengan kepakaran Mewtech Bina Sdn. Bhd., fasa kelima projek tersebut telah siap 90 peratus dan dijangka siap



HAKISAN pantai menyebabkan penduduk berasa bimbang dan kehadiran pelancong berkurangan.

sepenuhnya hujung tahun ini," katanya.

Dengan penambahbaikan struktur benteng di Pantai Cahaya Bulan, ia akan menjadi model kepada pembangunan kawasan pinggir pantai yang mengalami hakisan.

Ini kerana selain benteng itu, laluan pejalan kaki dan tempat duduk untuk orang ramai berehat dibina di sepanjang pantai berkenaan yang sudah pasti memberi keselesaan kepada pengunjung yang ingin menikmati keindahan Laut China Selatan.

Walaupun tiada lagi kawasan untuk mandi-manda atau bermain pasir di pantai, ia memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada penduduk tetapi pengusaha calet, resort dan medan selera yang kelihatan mula menarik nafas lega apabila isu hakisan pantai yang selama ini 'menghantui' perniagaan mereka diselesaikan.

Seorang pengunjung, Habibah Shahid, 48, berkata, pembinaan benteng berkenaan dapat menyelamatkan pantai dan akan menarik kembali pelancong ke kawasan berkenaan.

"Walaupun tidak boleh mandi-manda, pelbagai aktiviti riadah masih boleh dilakukan di sini seperti berjoging, bermain bola tampar dan layang-layang," kata guru yang berasal dari Kedah itu.

Para peniaga di sekitar kawasan berkenaan kelihatan gembira dengan pengunjung yang kembali ramai berikutan masalah hakisan pantai berkenaan dapat diatasi.

Mohamad Fitri Salleh, 37, berharap kemudahan yang disediakan kerajaan akan merancakkan perniagaan mereka yang selama ini kurang mendapat sambutan. - Bernama

KELANTAN dilanda musim tengkujuh dari bulan Oktober hingga Mac setiap tahun.